

Parah dibaham anjing jiran

Kanak-kanak 6 tahun cedera teruk diserang haiwan pemburu singa

CARDIFF: Seorang kanak-kanak berusia enam tahun mengerang kesakitan sejurus selepas dibaham seekor anjing bernama Tyson, semalam.

Erfan Ali dikejarkan ke hospital selepas dibaham anjing berkenaan yang melompat pagar setinggi 1.3 meter untuk memasuki perkaranan rumahnya di Cardiff ketika kanak-kanak itu membantu ibunya, Monowara dan kakaknya, Masudah, mengangkat kain jemuran.

Monowara, 37, lari bersama-sama anaknya ke dalam rumah tetapi gagal menyekat anjing itu daripada memasuki dapur dan meneruskan serangan.


Anjing baka Rhodesian Ridgeback itu membaham kedua-dua pipi dan tangan kirinya.



KEADAAN Erfan selepas dibaham anjing.



LARGE dan anjingnya.



Pemilik haiwan itu, Kevin Large, 27, bergegas untuk menyelamatkan kanak-kanak berkenaan.

Anjing itu kemudian ditembak mati.

Anjing baka Rhodesian Ridgeback terkenal kerana keberaniannya dan pernah digunakan untuk memburu si-

nga di Afrika.

Seorang hukim memberitahu Large, dia boleh dipenjarakan atas kesalahan gagal mengawal haiwan peliharaannya itu.

Hukuman akan dibacakan pada perbicaraan bulan depan.

Sehubungan itu, Erfan su-

dah menjalani beberapa pembedahan plastik.

Bapanya, Dilwar berkata: "Parut akibat serangan itu bukan saja berbentuk fizikal. Erfan sentiasa menangis sebelah malam dan tidak mahu tidur bersendirian. Dia kini begitu takut dengan anjing." - Agensi